



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA
DATUK BANDAR MBSP TAHUN 2019 SEMPENA
PEMASYHURAN MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT
08 OKTOBER 2019 (SELASA)
2.30 PETANG

KOMPLEKS SUKAN BERTAM
KEPALA BATAS

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Encik David Marshel A/L Pakianathan

Presiden kelab Bola MBSP FC

Merangkap

Ahli Majlis MBSP

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil Pegawai daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan

Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pasukan-Pasukan Bola Sepak Yang Bertanding

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar MBSP Tahun 2019 Sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Dihormati Encik David Marshel A/L Pakianathan, Presiden Kelab Bola Sepak MBSP FC merangpak Ahli Majlis MBSP, Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Pegawai-Pegawai daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan dan para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa bersama MBSP pada petang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Jawatankuasa Kelab Bola Sepak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP FC). Walaupun baru ditubuhkan tahun ini, telah menunjukkan kewibawaan untuk menganjurkan program ini dengan meriah sekali. Syabas dan Tahniah!

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar MBSP Tahun 2019 adalah pertama kali diadakan bersempena dengan Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai. Untuk makluman para hadirin yang dihormati sekalian, MBSP diisyhtiharkan sebagai Majlis Bandaraya pada 16 September 2019 dan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang ke 15 dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya. Ini merupakan satu pencapaian yang amat dibanggakan kerana Pulau Pinang menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang ke semua Pihak Berkuasa Tempatannya bertaraf Bandaraya.

Kejohanan Bola Sepak hari ini merupakan acara yang bermakna di mana kita semua berpeluang untuk sama-sama melibatkan diri berusaha bersungguh-sungguh untuk menyatakan komitmen kita kepada pasukan yang kita wakili. Namun begitu, saya rasakan apa yang lebih penting di sini ialah kejayaan penganjuran acara ini adalah satu usaha untuk mewujudkan semangat setiakawan, semangat muafakat dan kesungguhan untuk mencapai sesuatu tujuan untuk dikongsi bersama-sama.

Kejohanan bola sepak seumpama ini dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi

kerajaan. Menang atau kalah bukanlah ukuran penting untuk menentukan kualiti sesebuah pasukan, tetapi dinilai dari segi semangat kesukaran bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan pasukan yang menang.

Program kejohanan bola sepak ini selari dengan Penang2030 di bawah tema strategi A: "*Increase liveability to enhance quality of life*" iaitu "*Diversify recreation, sports, arts and culture facilities*" (Inisiatif strategi A4). Ianya selaras dengan pelaksanaan strategik "Gaya Hidup Sihat" dalam Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2018 – 2022, di mana pelbagai program-program sukan, senam dan rekreasi seperti *Forest Bathing*, Senam Sihat Warga MPSP, *Fun Walk*, *Fun Ride*, *I Love Penang Run*, dan *Sungai Perai Nature Walk* dianjurkan untuk manfaat kesihatan dan rekreasi warga Seberang Perai. Acara-acara senam sihat dan bersukan sesungguhnya merupakan antara medium yang boleh menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kita semua sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan sukan dalam kehidupan kita. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita.

MBSP akan terus komited dengan melaksanakan perlabagai aktiviti sukan dan rekreasi dan salah satu usaha terbaru adalah dengan menubuhkan Kelab Bola Sepak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP FC) pada tahun ini dan Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar MBSP dan seterusnya menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai pada tahun ini juga.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Piala Datuk Bandar MBSP Tahun 2019 yang dirasmikan hari ini akan berlangsung sehingga 11 Oktober 2019 di Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas. Penyertaan adalah terbuka kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Semenanjung Malaysia dan juga Jabatan / Agensi Kerajaan dan terhad kepada 16 pasukan yang terawal sahaja. Senarai penyertaan pasukan adalah daripada:-

- i. Majlis Daerah Kerian, Perak
- ii. Majlis Perbandaran Sepang, Selangor
- iii. Majlis Bandaraya, Kuala Terengganu, Terengganu
- iv. SPU Cops

- v. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Perak
- vi. Majlis Bandaraya Ipoh, Perak
- vii. Majlis Perbandaran Kulim
- viii. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- ix. MBSP A
- x. MBSP B
- xi. Kolej Komuniti Kepala Batas
- xii. JUPEM Kedah
- xiii. Majlis Perbandaran Klang, Selangor
- xiv. Tiga pasukan tambahan

Hadiyah yang ditawarkan adalah:-

- i. **Johan** mendapat wang tunai sebanyak RM5,000.00, Piala Pusingan, Pingat (Medal) dan Sijil Penyertaan;
- ii. **Naib Johan** mendapat wang tunai sebanyak RM3,000.00, Pingat (Medal) dan Sijil Penyertaan;
- iii. **Tempat ketiga** mendapat Wang Tunai RM1,000.00, Pingat (Medal) dan Sijil Penyertaan; dan

- iv. **Saguhati** berupa Sijil Penyertaan kepada pasukan-pasukan yang lain.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya tidak berhasrat untuk bercakap lebih panjang lagi, kerana saya percaya, para hadirin sekalian sedang menanti dengan penuh debaran untuk menyaksi pertandingan bola sepak bermula. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung bagi menjayakan kejohanan bola sepak pada hari ini. Saya harapkan pertandingan sebegini dapat diteruskan dan dijadikan acara tetap / tahunan.

Akhir sekali, saya mengucapkan SELAMAT BERTANDING kepada kesemua pasukan dalam semangat kesukunan yang tinggi dan harmoni. Jangan menyerah kalah sebelum berusaha.

Dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM**, saya dengan sukacitanya merasmikan Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar MBSP Tahun 2019.

Sekian.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.